

SEMINAR KEARIFAN TEMPATAN SARAWAK.

# **PERANAN PENDIGITALAN DALAM PELESTARIAN DAN PEMERTABATAN BAHASA PERIBUMI SARAWAK**

Oleh

**Dr. Hj. ZAINAL ABIDDIN Hj. MASLEH**  
**Pensyarah Cemerlang**  
**IPG Kampus Batu Lintang**

**2021**

## **Pengenalan**

Bahasa merupakan ciri yang paling asas dan manusiawi untuk membezakan manusia dengan makhluk lainnya. Bahasa sebagai suatu sistem komunikasi dan merupakan antara kesatuan daripada sistem kebudayaan. Kebudayaan manusia tidak akan mungkin terjadi tanpa bahasa karena bahasa merupakan faktor utama yang menentukan pembinaan kebudayaan. Oleh itu bahasa merupakan sarana komunikasi utama dalam kehidupan manusia baik dalam bentuk tulisan, lisan, mahupun berbentuk simbol tertentu. Tanpa bahasa manusia tidak dapat berkomunikasi kerana manusia adalah makhluk sosial yang perlu berinteraksi dengan manusia lain.

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat berkomunikasi sesama mereka ketika menyampaikan dan menerima maklumat. Oleh itu bahasa merupakan cerminan akal budi atau pemikiran. Adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi tanpa menggunakan bahasa. Perkembangan globalisasi menjadikan bahasa perlu bersaing dan senada mengikut arus yang sama namun perlu mengekalkan keaslian dan ketulenan. Dalam masyarakat yang multibahasa, persaingan bahasa merupakan fenomena biasa dalam hubungan sosial.

## **Pendigitalan**

Pendigitalan adalah satu proses untuk menukarkan format sumber ilmu dan maklumat dalam bentuk bercetak/analog (sama ada teks, audio, video, grafik, dsb.) kepada bentuk digital supaya hasilnya dapat disimpan, mudah dikesan/didapatkan semula dan diedarkan secara elektronik.”

Sumber : Dasar Pendigitalan Perpustakaan Negara Malaysia, 2009

Tahun 2015 dikatakan sebagai tahun penting bagi pengenalan kepada data luas atau lebih dikenali sebagai 'big data' dan hari ini, kita mempunyai akses kepada pelbagai data hasil keterbukaan dunia komunikasi. Setiap minit dunia menghasilkan 1.7billion bit data bersamaan dengan 360,000 keping DVD (European Commission, 2014). Data ini didigitasikan setiap tahun dan sumber data ini dikenali sebagai "big data". Sektor ini tumbuh pada kadar 40% setahun dan dikatakan boleh meningkatkan produktiviti. Pengeluaran data ini berlaku setiap minit dan dikatakan tidak pernah berhenti. Gunelius (2014) melaporkan Google contohnya menerima 4,000,000 carian setiap minit. Pengguna Facebook pula berkongsi sebanyak 2,460,000 pengisian setiap minit. Dan tidak ketinggalan juga pengguna Twitter tweet sebanyak 277 000 kali setiap minit. Sekiranya para sejarawan mempunyai kemahiran dan keupayaan teknologi serta akses kepada peralatan digital, maka data ini dapat digunakan untuk penjelasan sejarah dan menerangkan trend sejarah yang tertentu

### **Pemilihan Bahan untuk Pendigitalan**

Pemilihan bahan untuk aktiviti pendigitalan meliputi buku, manuskrip, bahan nadir, surat khabar, jurnal, rakaman audio dan video, gambar/foto, terbitan-terbitan jabatan dan bahan-bahan lain yang menyokong perkhidmatan dan pembangunan kandungan digital. Pemilihan bahan untuk pendigitalan adalah mengikut kriteria seperti berikut:

- (a) Bahan yang mempunyai nilai-nilai sejarah, warisan dan budaya;
- (b) Bahan-bahan koleksi khas;
- (c) Bahan-bahan yang mempunyai permintaan yang tinggi;

- (d) Bahan-bahan yang dipilih untuk aktiviti penerbitan atau pameran Jabatan;
- (e) Bahan-bahan yang telah luput tempoh hak cipta atau mendapat kebenaran bertulis untuk  
didigitalkan;
- (f) Bahan-bahan yang terhad disebabkan keadaan fizikal yang uzur, bernilai tinggi, sukar  
diperolehi; dan
- (g) Bahan-bahan yang tidak diketahui kewujudannya atau tidak digunakan, boleh  
didigitalkan oleh perpustakaan sebagai kaedah promosi bagi meningkatkan minat  
pengguna untuk menggunakannya.

### **Pelestarian Bahasa Peribumi**

Bahasa dan Masyarakat Negeri Sarawak Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak adalah lebih kurang 30 atau 40 bahasa. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Melayu, bahasa-bahasa suku kaum atau bahasa tempatan iaitu bahasa Iban, Bidayuh, Penan, Kelabit, dialek Melayu Sarawak, Kedayan, Kenyah, Melanau dan lain-lain dan juga bahasa Cina. Azlan Mis(2012) Bahasa-bahasa ini dituturkan di seluruh negeri Sarawak (Asmah 2004). Menurut Asmah (2004), bahasa suku kaum yang terbesar di negeri ini dikenali sebagai Malayik (Malayic), yang terdiri daripada bahasa Iban. Bahasa Iban merupakan satu bahasa yang paling dominan dengan kumpulan etnolinguistik yang merangkumi setengah juta penutur. Bahasa Iban digolongkan sebagai Malayik sama seperti bahasa Melayu, bahasa Selakau, bahasa Bidayuh, Melanau, Kajang dan lain-lain. Di bahagian utara negeri Sarawak pula terdapat bahasa Kayan, Kelabit, Kenyah, Penan, Mirik dan

Bintulu. Selain daripada bahasa suku kaum penduduk tempatan atau asli/peribumi di negeri Sarawak, terdapat juga bahasa lain yang bukan tergolong dalam kumpulan ini, iaitu bahasa Cina. Bahasa Cina di Sarawak sama seperti bahasa Cina yang lain di Semenanjung Malaysia, iaitu Hokchiu (Foochow), Khek (Hakka), Kantonis atau Hokkien. Penutur Hokchiu (Foochow) dan Khek (Hakka) adalah yang paling ramai jika dibandingkan dengan Kantonis atau Hokkien. Mengenai masyarakat India di negeri Sarawak pula, mereka adalah kaum yang sangat kecil dan minoriti. Bahasa Inggeris juga penting di negeri Sarawak sebagai bahasa kedua dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu, bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa kedua dan digunakan oleh golongan eksekutif dan profesional (Asmah, 2004, 2007). Dari segi jumlah penutur bahasa-bahasa yang terdapat di negeri Sarawak pula, bahasa Iban mempunyai penutur yang paling ramai, diikuti oleh bahasa Cina dan Melayu perincian berkenaan bahasa dan bilangan penutur perkara ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Bahasa peribumi adalah bahasa yang ditutur secara khusus oleh sesuatu bangsa dan diwarisi bergenerasi. Bahasa ibunda mampu mengungkap pemikiran, hati nurani, perasaan mahu pun impian sesuatu bangsa itu. Sebab itulah sering ditegaskan bahawa '**bahasa jiwa bangsa**'. Bahasa ibunda menjadikan sesuatu bangsa itu berjati diri dan berbangga dengan susur galur marganya sendiri. Bangsa yang rendah darjat tidak punyai apa-apa untuk dibanggakan dan hanya berasa bangga dengan apa yang disuap atau dipaksakan ke atas mereka. Biasanya bangsa kecil adalah bangsa yang pernah terjajah menurut Azlan Mis (2012).

## **Objektif**

Objektif pendigitalan dalam Pelestarian dan Pemertabatan Bahasa Peribumi di Sarawak

adalah untuk :

- I. Memudah dan mempercepat akses kepada pelbagai koleksi dalam pelestarian dan pemertabatan bahasa ibunda pada bila-bila masa.
- II. Memperkaya kandungan digital tempatan berkaitan warisan bahasa dan sastera, bagi tujuan rujukan dan penyelidikan.
- III. Menarik pengguna baharu dengan menjadikan koleksi tersedia dalam talian untuk digunakan oleh komuniti yang berbeza seperti pengguna rangkaian sosial dan teknologi baharu yang lain.

## **Metadologi**

Bahasa dan teknologi tidak boleh dipisahkan. Selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), maka lahirlah satu bidang baru dalam bahasa yang menggunakan teknologi iaitu pendigitalan sejarah. Bidang bahasa banyak mengaplikasi disiplin baharu ini dan ternyata amat popular dalam kalangan akademik di negara barat. Negara kita agak ketinggalan dalam aspek ini sedangkan banyak kebaikan yang dapat diperolehi hasil pengenalan disiplin baharu ini. Kaedah digital tidak semestinya lebih sahih berbanding pendekatan tradisional dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bahasa tetapi dapat menawarkan saluran yang berbeza kepada arkib bahasa.

Pendekatan inovatif ini dapat menjadikan perkembangan Bahasa peribumi jauh lebih menarik dan melahirkan masyarakat Malaysia yang celik bahasa. Pendigitalan bahasa juga mampu menyediakan suatu proses perkembangan yang bersifat akademik dan memberi peluang kepada pengguna menggunakan peralatan teknologi dalam membina kemahiran dan pengetahuan dalam disiplin Bahasa. Digitalisasi bahasa yang bergerak seiring dengan media

baharu mampu mempersembahkan peristiwa sejarah yang pelbagai di Malaysia melalui beberapa kaedah yang menarik.

Pendokumentasian Bahasa Peribumi melalui degitilisasi mampu mengembang dan melestarikan Bahasa peribumi agar terus kekal dan relevan. Bagi tujuan ini, beberapa aplikasi digital percuma seperti Google Earth dan Google Map dapat digunakan untuk memperkenalkan ilmu bahasa. Perkakasan digital yang berbentuk interaktif seperti google earth dan google map dapat membantu melengkapi disiplin bahasa. Glob 3D yang bersifat maya ini sangat menarik dalam memahami dan mengetahui sesuatu Bahasa peribumi. Mengikut Bloom and Stout (2005) penggunaan sumber digital bahan primer menjadikan “kandungan pembelajaran lebih menarik dan relevan” dan “membantu pelajar membina kemahiran yang pelbagai”.

Penggunaan media sosial sekiranya dieksploitasi dengan baik dilihat mampu memanfaatkan pengajaran dan pembelajaran sejarah. Youtube sebenarnya merupakan sarana yang juga dapat diguna pakai dalam menimbulkan minat terhadap survival bahasa peribumi. Pendekatan lisan atau sejarah lisan berkaitan sesuatu peristiwa bersejarah umpamanya, boleh memanfaatkan platform Youtube dengan berkesan. Walau bagaimana pun, sumber lisan harus juga diseimbangkan dengan penggunaan bukti lain seperti buku, artikel jurnal dan dokumen rasmi bagi mengukuhkan interpretasi atau hujah yang dikemukakan. Di Malaysia, ada usaha yang dijalankan untuk mendigitalkan koleksi sumber primer dan sedikit usaha untuk mewujudkan koleksi gambar. Arkib yang banyak menyediakan sumber digital berkaitan negara.

## **Pelestarian Bahasa Peribumi**

Kajian terhadap pelestarian bahasa ialah usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa terutama dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri. Usaha ini amat rumit kerana sesuatu komuniti bahasa itu terdedah kepada fenomena mobiliti sosial yang melibatkan proses asimilasi dengan kelompok komuniti bahasa yang lain. Segala-galanya bergantung pada sejauh manakah ahli-ahli sesebuah komuniti bahasa itu dapat mempertahankan bahasanya khusus dalam bentuk amalan lisan.

Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan 21 Februari pada setiap tahun sebagai sambutan Hari Bahasa Ibunda Sedunia bermula tahun 2000. Sambutan ini sebagai pengiktirafan kepada kepelbagaian bahasa dan budaya dalam kalangan penduduk dunia. Sambutan ini juga menunjukkan keprihatinan UNESCO tentang perlunya pelestarian bahasa ibunda di samping menggalakkan penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam sesebuah negara. David Crystal (2000) menjelaskan kehilangan bahasa akan hilangnya sebuah tamadun dan peradaban sesuatu bangsa.

Menurut Harimurti (1984) dalam Mohd Sharifudin Yusop (2000), istilah pemeliharaan bahasa digunakan bagi mengganti istilah pelestarian bahasa sebagai terjemahan daripada "language maintenance" dan mendefinisikan istilah ini sebagai usaha agar suatu bahasa tetap dipakai dan dihargai sebagai identiti kelompok dalam masyarakat. Dengan perkataan lain pelestarian bahasa ialah usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri. Usaha ini amat rumit kerana komuniti bahasa ini terdedah kepada fenomena mobiliti sosial yang melibatkan proses asimilasi dengan kelompok bahasa yang lain. Segalanya bergantung pada sejauh mana ahli-ahli sesebuah komuniti bahasa itu dapat mempertahankan bahasanya khusus dalam kelompok amalan lisan.

James T. Collins (2002), menyenaraikan sikap penutur bahasa kepada tiga kriteria bagi menjamin pelestarian bahasa iaitu pertama ketaatan kepada bahasa ibunda, keduanya sikap



berani terhadap perubahan tetapi tetap mengekalkan bahasa ibunda dan ketiga ialah menyanjung tinggi atau bangga terhadap bahasa ibunda.

Faktor petempatan dan lokasi mempengaruhi kedudukan dan pelestarian sesebuah bahasa.

Schiffman (1999), menggariskan empat faktor yang boleh menentukan keutuhan bahasa iaitu:

- i. Golongan minoriti perlu memilih petempatan yang lebih jauh sedikit daripada arus perdana masyarakat bahasa majoriti.
- ii. Perlu tinggal secara berkelompok
- iii. Sentiasa menjalinkan hubungan langsung dengan komuniti yang tinggal berdekatan ataupun yang mempunyai jalinan kekeluargaan
- iv. Penubuhan institusi pendidikan sendiri yang menggunakan bahasa ibunda dan akhirnya mereka juga perlu mengamalkan terus agama dan sistem kepercayaan.

Dressler (1988), menegaskan bahawa jika faktor di atas gagal dilakukan maka wujudnya salah satu tanda kepupusan sesebuah bahasa.

## **Kesimpulan**

Kepelbagaian rumpun bangsa dan puluhan kumpulan etnik di Sarawak telah mewujudkan peranan bahasa sebagai medium perhubungan terpenting. Bahasa menjadikan kehidupan dan keperluan menjadi saling memerlukan. Sering kali timbul persoalan bagaimanakah perhubungan antara kaum atau etnik yang pelbagai boleh berlaku khususnya bagi etnik minoriti terutama etnik Bhuket dan Lahanan.

Kematian dan kepupusan bahasa dunia seperti bahasa Latin, bahasa Tambora, bahasa Eyak, bahasa Pipil, bahasa Hawaii dan bahasa Seru di Sarawak pastinya memberi peringatan

dan kesedaran betapa bahasa yang hanya dituturkan oleh kumpulan etnik minoriti ini wajar diberi perhatian agar bahasanya terus lestari.

Sarjana-sarjana bahasa sering memberi tumpuan dan cenderung untuk mengkaji bahasa daripada bangsa Dayak seperti bahasa Iban, Bidayuh dan Selako, bangsa Orang Ulu seperti Kayan, Kenyah, Kelabit dan Lunbawang serta rumpun Melayu Sarawak. Namun begitu, perhatian terhadap bangsa Kajang wajar juga diberi keutamaan dalam kajian kebahasaan.

Pengkajian terhadap bahasa peribumi yang minoriti akan membuka natijah baharu khususnya kepada pengkaji tempatan untuk menjelaskan dan mengidentifikasikan status bahasa tersebut. Mampu kah bahasa ini bertahan dalam suasana globalisasi. Pendekatan etnolinguistik merupakan pilihan terbaik untuk pengkajian ini kerana mampu menelaah daripada empat sudut penting ataupun kerangka pengkajian iaitu pelestarian bahasa, tipologi bahasa, linguistik bahasa dan sikap penutur bahasa. Kajian yang bersifat huluan ini akan menambah koleksi pengayaan bahasa yang ada di negara kita yang akhirnya menyumbang kepada pemantapan dan pelestarian bahasa Melayu.

## **Rujukan**

Antonio J. Guerreiro (1987). The Lahanan: Some Notes On The History Of A Kajang Group. The Sarawak Jurnal, July 1987, 17-28.

Berg. B.L (2004). Qualitative Research Methods for the Social Science (ed.ke-5). Boston: Pearson education.

Bernard Sellato (1994) yang bertajuk *Nomads of the borneo rainforest*. Universiti of Hawaii Press: Hawaii.

Collins James T. (2002). *Wibawa Bahasa, Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Creswell, J.W, (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, choosing among five traditions*. Thousands Oaks : Sage.

Grimes, Barbara. 2002. "Kecenderungan Bahasa untuk Hidup atau Mati secara Global (Global Language Viability): Sebab, Gejala, dan Pemulihan untuk Bahasa-Bahasa yang Punah". Dalam Mohd. Sharifudin Yusop (2000). *Kelestarian Bahasa Mandailing di Malaysia: Satu Tinjauan Sosiologi Bahasa*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shanti Thambiah (1995) 'Culture Adaption Among the Bhuket of Sarawak ,Malaysia. PhD. Tesis : University of Hull.

Zulkifley Ahmad (2007). *Konsep Bahasa*. Bangi : Penerbit UKM